

Baca petikan teks di bawah dan lengkapkan ringkasannya dengan memilih jawapan yang disediakan kemudian masukkan jawapan ke dalam ruangan yang betul.

"Bawa basikal baik-baik, Din. Ingat, biar lambat asal selamat," pesan Hajah Munah sambil berdiri di muka pintu.

Awaludin hanya tersenyum. Dia terus mengayuh basikalnya dan melencong ke kiri. Haluannya bukan lagi ke arah Masjid Kampong Budiman tetapi ke arah lain.

Rupa-rupanya, Awaludin membohongi ibunya. Dia bukannya mahu ke masjid tetapi mahu berjumpa dengan rakan-rakannya di dusun Haji Dahlan. Di situ, mereka mahu menghisap rokok dan bermain daun terup.

"Mengapakah kamu lambat, Din? Aku ingat kamu tak jadi datang," tegur Rais tatkala Awaludin turun dari basikalnya.

"Aku kena tunggu azan, barulah keluar. Kalau aku keluar awal, nanti ibu aku banyak soal pula" balas Awaludin yang cepat-cepat menukar pakaiannya.

"Lekaslah, masuk ke dalam pondok. Kalau ada orang nampak nanti, nahas kita," kata Mustapha sambil matanya liar memandang ke sekeliling. Awaludin dan Rais menurut saja arahan rakannya itu.

Malang tidak berbau. Kebetulan pada hari itu, Haji Dahlan masih dihambat curiga. Beliau terhidu bau asap rokok yang entah dari mana datangnya. Apabila dihampirinya pondok itu, beliau terdengar bunyi suara orang ketawa dengan gembiranya.

"Astaghfirullahalazim, apa nak jadi kamu semua ini?" Tersembur kata-kata itu dari mulut Haji Dahlan tatkala dia membuka pintu pondok.

Matanya terbeliak besar melihat gelagat tiga orang remaja di hadapannya. Awaludin, Rais dan Mustapha menggigil ketakutan. Tergagap-gagap suara mereka ketika menjawab pertanyaan Haji Dahlan yang bertubi-tubi. Kini, rahsia mereka sudah terbongkar.

Awaludin	menggigil ketakutan	mahu pergi ke masjid
rahsia	Hajah Munah	
ke dusun Haji Dahlan untuk menghisap rokok dan bermain daun terup dengan rakan-rakannya		

Watak utama cereka ini ialah _____ dan ibunya iaitu _____.

Cereka ini dimulakan dengan Awaludin yang menipu ibunya dengan berpura-pura _____. Dia sebenarnya menuju _____.

_____. Mereka _____ kerana _____ mereka sudah tengbongkar.